

**BUDAYA DAN PERSOALAN IDENTITI DALAM  
KALANGAN KOMUNITI BUGIS DI PERSEMPADANAN  
PULAU SEBATIK, SABAH**

**RAMLAH BINTI DAUD**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**



## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: BUDAYA DAN PERSOALAN IDENTITI DALAM  
KALANGAN KOMUNITI BUGIS DI PERSEMPADANAN RULAU CEBATIIL, SABAH

IJAZAH: SARJANA SASTERA

SAYA RAMLAH BINTI DAUD SESI PENGAJIAN: \_\_\_\_\_

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


 PERPUSTAKAAN  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh

  
 (TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: SANDAUAN

Tarikh: 21.30.2011

  
 (TANDATANGAN MUSTAKAWAN)

\_\_\_\_\_  
 Nama Penyelia

Tarikh: \_\_\_\_\_

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

06 Disember 2010



Ramlah Binti Daud  
PS2005-003-009


## PENGESAHAN

NAMA : RAMLAH BINTI DAUD  
TAJUK : BUDAYA DAN PERSOALAN IDENTITI DALAM  
KALANGAN KOMUNITI BUGIS DI PERSEMPADANAN  
PULAU SEBATIK, SABAH  
IJAZAH : SARJANA SASTERA  
TARIKH VIVA : 29 JUN 2011

## DISAHKAN OLEH


1. **PENYELIA**  
Profesor Madya Dr. Jacqueline Kitingan

Tandatangan



2. **PENYELIA BERSAMA**  
Dr.Kntayya Mariappan

Tandatangan





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani. Syukur ke hadirat ilahi kerana dengan izinnya maka tesis ini dapat disiapkan. Jutaan Terima kasih diucapkan kepada Naib Censelor, Timbalan Naib Censelor dan Pasca Siswazah yang telah memberikan ruang dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana.

Sokongan daripada YBH Prof Madya Dr Asmady Idris selaku dekan Sekolah Sains Sosial saya dahului dengan ucapan terima kasih. Ucapan terima kasih ditujukan buat Puan Syarifah (kakitangan Pasca Siswazah) yang tidak jemu memberikan tunjuk ajar dan sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Ucapan terima kasih juga ditujukan untuk kedua-dua penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Jacqueline Kitingan dan Dr. Kntayya Mariappan atas tunjuk ajar dan sokongan dalam usaha menyiapkan tesis sarjana. Tidak dilupakan juga sumbangan besar yang telah diberikan oleh mentor saya, iaitu Dr Paul Porodong di atas segala nasihat dan idea-idea bernas bagi memantapkan penulisan saya. Ucapan terima kasih turut diberikan kepada pensyarah-pensyarah sains sosial yang banyak membantu, sama ada secara langsung ataupun tidak.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa mendoakan kejayaan saya. Sokongan moral daripada ahli keluarga saya dan sahabat terdekat, Puan Jalihah Md. Shah, Puan Kee. Y Sabariah Kee Mohd Yussof, Puan Jurry Foo, saudara Faizul Azahar, Jennifer Yukin, Mertty Anuar, Sabtuaming Sule, dan Satrya Panji Sakti.

Jasa dan bakti penduduk kampung Sg. Aji Kuning-Desa Sei Aji Kuning khususnya Hj Dalie sekeluarga yang banyak membantu dan menjaga saya akan sentiasa dikenang. Tanpa kerjasama daripada kalian, tidak mungkin tesis sarjana ini dapat disiapkan.

Akhir sekali, saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan tesis ini. Saya juga berharap tesis ini dapat memberikan manfaat kepada dunia akademik khususnya dalam bidang Sosiologi dan Antropologi Sosial. Pemahaman yang jelas terhadap komuniti sempadan mampu dicapai melalui tesis ini.



## ABSTRAK

### BUDAYA DAN PERSOALAN IDENTITI DALAM KALANGAN KOMUNITI BUGIS DI PERSEMPADANAN PULAU SEBATIK, SABAH

Fungsi tradisi sempadan sebagai batas yang memisahkan geopolitik sesebuah negara semakin tercabar. Bahkan, peranannya untuk membataskan pergerakan barangan, manusia dan maklumat juga semakin lemah. Hal ini menjadi semakin rumit apabila wujud pertalian budaya dan hubungan darah dalam kalangan komuniti yang hidup di sempadan. Kesan dari itu, peranan individu khususnya yang berkait tentang kesetiaan dan identiti boleh dipersoalkan. Sehubungan dengan itu, tesis ini membincangkan tentang bagaimana komuniti etnik Bugis di Kampung Sungai Aji Kuning (Malaysia) dan Desa Sei Aji Kuning (Indonesia), Pulau Sebatik memanasifestasikan identiti etnik dan identiti nasional sebagai strategi untuk penghidupan (*livelihood*) mereka di sempadan. Kajian ini memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti harian ekonomi dan sosial isirumah (*household*). Aktiviti-aktiviti ekonomi termasuklah berdagang, berkebun dan menangkap ikan. Sementara itu, kegiatan sosial isirumah terbabit adalah dari segi persekolahan, kesihatan, dan kemudahan asas. Menerusi penyelidikan lapangan yang bermula pada Oktober 2007 hingga September 2008 mendapati bahawa komuniti sempadan ini berupaya memanipulasikan peluang-peluang penghidupan di sekitar sempadan yang didiami. Dengan menggunakan kelebihan ikatan budaya dan hubungan darah dalam kalangan komuniti, identiti etnik dan nasional mereka diterjemahkan secara strategik di kedua-dua buah negara bersempadan. Sementara itu, hasil dapatan etnografi menunjukkan bahawa hubungan keetnikan komuniti adalah lebih penting dalam menjelaskan strategi penghidupan mereka di sempadan berbanding dengan identiti nasional. Hal ini kerana identiti nasional komuniti dimanifestasikan menerusi simbolik terhadap kewarganegaraan Malaysia dan Indonesia, sebaliknya ikatan solidariti etnik Bugis yang berasaskan kepada nilai '*pesse*' (semangat setiakawan) mengatasi batas sempadan politik dan geografi itu sendiri.



## **ABSTRACT**

*The traditional function of a border as a boundary that separates the geopolitics of a nation is increasingly challenged. Moreover, its role to limit the movement of goods, people and information is also becoming increasingly weak. This issue becomes more complex when cultural linkages and kinship relations are formed in the community that lives on the border. As a result of this, the role of the individual especially concerning loyalty and identity can be questioned. In relation to that, this thesis discusses how the Bugis community of Kampung Sungai Aji Kuning (Malaysia) and Desa Aji Kuning (Indonesia), Sebatik Island, manifest their ethnic identity and national identity as a livelihood strategy at the border. This study focuses on daily economic and social activities of the household. Economic activities include trade, farming, , and fishing. Meanwhile, social activities involving the household include schooling, health and providing basic necessities. Field research which lasted from October 2007 until September 2008 found that this border community are able to manipulate livelihood opportunities in the border sector where they live. Using the advantages of cultural ties and kin relations in the community, their ethnic and national identities are translated strategically in both border nations. In addition to that, the ethnographic research findings show that community ethnic relations are more important than national identity in explaining livelihood strategies. This is because the national identity of the community is manifested symbolically towards Malaysian and Indonesian citizenships, whereas Bugis ties of solidarity that are based on the value of pesse (the spirit of loyal friendship) overcome the border obstacles of politics and geography.*



## SENARAI KANDUNGAN

|   | Mukasurat |
|---|-----------|
| <b>TAJUK</b>  | i         |
| <b>PENGAKUAN CALON</b>                                      | ii        |
| <b>PENGESAHAN</b>   | iii       |
| <b>PENGHARGAAN</b>  | iv        |
| <b>ABSTRAK</b>  | v         |
| <b><i>ABSTRACT</i></b>                                      | vi        |
| <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                                    | vii       |
| <b>SENARAI JADUAL</b>                                       | x         |
| <b>SENARAI RAJAH</b>  | xi        |
| <b>SENARAI GAMBAR</b>                                       | xi        |
| <b>SENARAI GAMBARAJAH</b>                                   | xi        |
| <b>SENARAI SINGKATAN</b>                                    | xi        |
| <b>BAB 1      PENGENALAN</b>                                |           |
| 1.1      Pendahuluan  | 1         |
| 1.2      Permasalahan Kajian                                | 2         |
| 1.3      Objektif Kajian                                    | 4         |
| 1.4      Konsep dan Teori Kajian                            | 5         |
| 1.4.1 Sorotan Kajian-kajian lepas terhadap Konsep dan Teori | 5         |
| 1.4.1.1 Sempadan dan Komuniti Sempadan                      | 5         |
| 1.4.1.2 Identiti Etnik                                      | 7         |
| 1.4.1.3 Identiti Nasional                                   | 8         |
| 1.4.1.3.1 Identiti sebagai Unsur Primodialisme              | 9         |
| 1.4.1.3.2 Identiti dan Instrumentalisme                     | 10        |



|              |  |    |
|--------------|--|----|
| 1.4.1.3.3    | Primodialisme dan Instrumentalisme dalam Konteks Komuniti Sempadan | 11 |
| 1.5          | Skop Kajian  | 14 |
| 1.6          | Kepentingan Kajian   | 14 |
| 1.7          | Gambaran Keseluruhan Tesis   | 16 |
| <b>BAB 2</b> | <b>LATAR BELAKANG KOMUNITI KAJIAN</b>                              |    |
| 2.1          | Pengenalan   | 18 |
| 2.2          | Gambaran Ringkas Sempadan Politik Antarabangsa di Pulau Sebatik    | 18 |
| 2.3          | Geo-Politik Kawasan Kajian   | 21 |
| 2.3.1        | Perjalanan ke Kawasan Kajian                                       | 22 |
| 2.3.2        | Pembentukan Kampung di Kawasan Kajian                              | 24 |
| 2.3.3        | Sempadan Politik dan Perkampungan                                  | 27 |
| 2.3.4        | Tawau sebagai Sempadan Politik Antarabangsa                        | 34 |
| 2.4          | Pembangunan Sosial dan Organisasi Kepimpinan Kampung               | 36 |
| 2.5          | Latar Belakang Komuniti Etnik Kajian                               | 38 |
| 2.5.1        | Komuniti Etnik Bugis   | 39 |
| 2.5.2        | Kehidupan Sosial Masyarakat Bugis                                  | 42 |
| 2.5.2.1      | Sistem Kekerabatan   | 42 |
| 2.5.2.2      | Perkahwinan  | 44 |
| 2.5.2.3      | Hubungan Gender  | 46 |
| 2.5.3        | Nilai-nilai Budaya Etnik Bugis                                     | 48 |
| 2.5.3.1      | <i>Siri'</i>   | 48 |
| 2.5.3.2      | <i>Pesse</i>   | 50 |
| 2.5.4        | Komuniti Etnik Bugis dalam Konteks Kehidupan Sosial                | 52 |
| 2.6          | Kesimpulan   | 54 |
| <b>BAB 3</b> | <b>METODOLOGI</b>  |    |
| 3.1          | Pengenalan   | 55 |

|              |   |     |
|--------------|---|-----|
| 3.2          | Kunjungan Pertama ke Lokasi Kajian                | 55  |
| 3.3          | Menempatkan diri ke dalam Masyarakat Kajian       | 65  |
| 3.4          | Temubual dan Pemerhatian Ikut Serta               | 69  |
|              | 3.4.1 Pemilihan Informan Kajian                   | 71  |
|              | 3.4.1.1 Temubual Informan                         | 71  |
|              | 3.4.1.1.2 Informan Malaysia                       | 72  |
|              | 3.4.1.1.3 Informan Indonesia                      | 73  |
|              | 3.4.1.1.4 Informan Dual Nasionaliti               | 74  |
|              | 3.4.1.2 Pemerhatian Ikut Serta                    | 75  |
| 3.5          | Kesimpulan  | 77  |
| <b>BAB 4</b> | <b>AKTIVITI-AKTIVITI PENGHIDUPAN KOMUNITI</b>     |     |
| 4.1          | Pengenalan  | 78  |
| 4.2          | Situasi dan Kegiatan Ekonomi Isirumah             | 78  |
|              | 4.2.1 Kegiatan Harian Pedagang Kampung KSAK-DSAK  | 79  |
|              | 4.2.1.1 Pa' dangkang dalam kategori Pertama       | 80  |
|              | 4.2.1.2 Pa' dangkang "dua hala"                   | 87  |
|              | 4.2.1.3 Pa' dangkang Sebagai 'Orang Tengah"       | 91  |
|              | 4.2.2 <i>Pa'darre'</i> (Pekebun)                  | 92  |
|              | 4.2.3 <i>Pammuka'</i> (Nelayan)                   | 93  |
| 4.3          | Informan Kajian dan Aktiviti Sosial               | 95  |
|              | 4.3.1 Persekolahan dan Pendidikan Anak-anak       | 96  |
|              | 4.3.2 Perkhidmatan Kesihatan                      | 98  |
|              | 4.3.3 Kemudahan-kemudahan Asas                    | 99  |
| 4.4          | Kesimpulan  | 101 |
| <b>BAB 5</b> | <b>IDENTITI DAN STRATEGI-STRATEGI PENGHIDUPAN</b> |     |
| 5.1          | Pengenalan  | 102 |
| 5.2          | Sempadan Negara yang "Terbiar"                    | 102 |
|              | 5.2.1 Kawasan Terbiar yang Menguntungkan          | 103 |
|              | 5.2.1.1 Kewujudan Tanah Tumpangan                 | 104 |
|              | 5.2.1.2 Sistem Tanah Sewa                         | 105 |

|                       |   |     |
|-----------------------|---|-----|
| 5.3                   | Etnisiti dan Lokaliti   | 107 |
|                       | 5.3.1 Mengapa Memilih Wilayah Indonesia?                                | 109 |
|                       | 5.3.1.1 Ikatan Emosional Etnik Terhadap Negara Asal, Indonesia          | 110 |
|                       | 5.3.1.2 Rasional Ekonomi untuk Keperluan Hidup                          | 112 |
| 5.4                   | Sempadan Malaysia dan Nasionaliti Etnik Bugis                           | 120 |
|                       | 5.4.1 Strategi Mobiliti Merentasi Sempadan                              | 121 |
|                       | 5.4.1.1 Identiti Kewarganegaraan Malaysia                               | 121 |
|                       | 5.4.1.2 Penggunaan Simbol-simbol Identiti Nasional                      | 123 |
|                       | 5.4.2 Manifestasi Identiti Nasional di Peringkat Sosial                 | 125 |
|                       | 5.4.3 Nasionaliti dan Kesetiaan   | 130 |
| 5.5                   | Kesimpulan  | 132 |
| <br>                  |   |     |
| <b>BAB 6</b>          | <b>KESIMPULAN</b>   |     |
| 6.1                   | Pengenalan  | 133 |
| 6.2                   | Rumusan Kajian  | 133 |
|                       | 6.2.1 Identiti Etnik Sebagai Strategi<br>Penghidupan Komuniti Kajian    | 133 |
|                       | 6.2.2 Identiti Nasional Sebagai Strategi<br>Penghidupan Komuniti Kajian | 135 |
| 6.3                   | Implikasi Kajian terhadap Teori   | 136 |
|                       | 6.3.1 Pendekatan Primodialisme  | 136 |
|                       | 6.3.2 Pendekatan Instrumentalisme                                       | 137 |
| 6.4                   | Implikasi Kajian terhadap Kajian Lepas dan<br>Limitasi Kajian           | 138 |
| <br>                  |   |     |
| <b>RUJUKAN</b>        |   | 141 |
| <br>                  |   |     |
| <b>GLOSARI</b>        |   | 144 |
| <br>                  |   |     |
| <b>SENARAI JADUAL</b> |   |     |
| Jadual 3.1 :          | Latar Belakang Informan Malaysia  | 72  |
| Jadual 3.2 :          | Latar Belakang Informan Indonesia                                       | 73  |
| Jadual 3.3 :          | Latar Belakang Informan Dual-Nasionaliti                                | 74  |



## SENARAI RAJAH

|             |   |    |
|-------------|---|----|
| Rajah 2.1 : | Peta Pulau Sebatik dan Lokasinya di Pulau Borneo  | 20 |
| Rajah 2.2 : | Kg. Sg. Aji Kuning dan lokasinya di Pulau Sebatik | 28 |

## SENARAI GAMBAR

|              |  |     |
|--------------|--|-----|
| Gambar 2.1:  | Perahu Panjang (jongkong) sebagai pengangkutan utama<br>Penduduk Keluar Tawau  | 23  |
| Gambar 2.2 : | Batu Sempadan ke-3 yang Terletak di Kg. Sg. Aji Kuning<br>(Malaysia) bersempadan dengan Desa Sei Aji Kuning<br>(Indonesia) | 30  |
| Gambar 2.3 : | Deretan Rumah berhampiran Sungai Aji Kuning  | 32  |
| Gambar 2.4 : | Jambatan yang Menghubungkan antara Kg. Sg. Aji Kuning<br>dan Desa Sei Aji Kuning   | 35  |
| Gambar 4.1 : | Suasana Tempat Pelabuhan Perahu-perahu dari Kg. Sg. Aji<br>Kuning, Pulau Sebatik di Tawau                                  | 81  |
| Gambar 4.2 : | <i>Pa'dangkang</i> Wanita dengan Hasil Jualan  | 82  |
| Gambar 4.3 : | Bekalan Pisang dari Desa Sei Aji Kuning  | 84  |
| Gambar 4.4 : | Lima Puluh Biji Botol Tong Gas Memasak yang Kosong dan<br>Beberapa Tandan Pisang yang hendak dibawa keluar Tawau           | 90  |
| Gambar 4.5 : | Perigi Pam yang disumbangkan oleh Kementerian Kesihatan<br>Tawau pada 1998   | 100 |

## SENARAI GAMBARAJAH

|                  |   |     |
|------------------|---|-----|
| Gambarajah 5.1 : | Rangka Konseptual untuk Memahami Strategi Penghidupan<br>Komuniti Etnik Bugis di Sempadan | 108 |
|------------------|---|-----|

## SENARAI SINGKATAN KATA

|      |                            |
|------|----------------------------|
| ADUN | Ahli Dewan Undangan Negeri |
|------|----------------------------|

|           |   |
|-----------|---|
| DSAK      | Desa Sei Aji Kuning                           |
| DWIKORA   | Dwi Komando Rakyat                            |
| En        | Encik   |
| Hj        | Haji  |
| I/C       | <i>Identity Card</i>                          |
| IPB       | Institut Prima Bistari                        |
| JKKK      | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| JUPEM     | Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara Malaysia     |
| Kg        | Kampung                                       |
| KSAK      | Kampung Sungai Aji Kuning                     |
| KTP       | Kartu Tanda Penduduk                          |
| MJU       | Maktab Jaya Utama                             |
| PGA       | Pasukan Gerakan Awam                          |
| PLN       | Perusahaan Listrik Negara                     |
| PUSKESMAS | Pusat Kesehatan Masyarakat                    |
| RT        | Rukun Tetangga                                |
| SEKDES    | Sekretaris Desa                               |
| Sg        | Sungai  |
| SMA       | Sekolah Menengah Atas                         |
| SUKWAN    | Sukarelawan                                   |

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Tesis ini membincangkan tentang kepentingan identiti etnik dan nasional dalam menjelaskan penghidupan (*livelihood*) komuniti etnik Bugis di sempadan. Kajian lapangan telah dijalankan ke atas komuniti etnik Bugis yang tinggal di dua buah kampung bersempadan, iaitu Kampung Sungai Aji Kuning (Malaysia) dan Desa Sei Aji Kuning (Indonesia), Pulau Sebatik. Kajian dilakukan bermula pada Oktober 2007 sehingga September 2008. Fokus utama tesis ini adalah terhadap hubungan di antara kegiatan isi rumah (*household*) dengan strategi penghidupan mereka di sempadan. Hal ini bagi memahami bagaimana komuniti ini mengorganisasikan kehidupan mereka seharian di dua buah negara bangsa, dan bagaimana kedua-dua identiti etnik dan nasional mereka digunakan secara strategik dalam memenuhi keperluan sosial dan ekonomi mereka.

Sehubungan dengan itu, dalam bab ini, pengkaji akan menjelaskan rangka penyelidikan termasuklah, permasalahan kajian, objektif, konsep, teori dan skop kajian. Huraian dibuat menerusi kajian-kajian lepas yang membincangkan tentang identiti-identiti sempadan, khususnya di negara Asia Tenggara. Perbincangan tertumpu kepada dua identiti yang mendasari kajian ini. Identiti yang dimaksudkan adalah identiti etnik dan identiti nasional komuniti. Dalam membincangkan kedua-dua identiti ini, pengkaji juga melihat dua pendekatan teoritikal yang lazimnya diaplikasikan bagi memahami isu identiti. Pendekatan teoritikal tersebut adalah primodialisme dan instrumentalisme. Perbincangan ini walau bagaimanapun berpandukan kepada persoalan tentang bagaimana kedua-dua identiti etnik dan nasional mempunyai saling kaitan dengan strategi penghidupan komuniti sempadan.





## 1.2 Permasalahan Kajian

Dalam sistem negara bangsa, sempadan merupakan suatu yang amat mustahak kepada rakyatnya. Kepentingan garis sempadan ini bukan sekadar ruang pemisah antara negara yang berdaulat, malah berkembang sejajar dengan sifat manusia yang dinamik. Keperluan sempadan dibentuk adalah untuk melindungi keselamatan wilayah yang mempunyai kepentingan nilai sumber manusia dan semulajadi. Selain itu, sempadan merupakan simbolik kepada kedaulatan sesebuah negara bangsa.

Walau bagaimanapun, sempadan kini dilihat semakin longgar dan mudah dibolosi (Wilson dan Donnan, 1998:1). Hal ini merujuk kepada peranan tradisionalnya yang tidak lagi sekadar berfungsi sebagai penanda terhadap had kekuasaan sesebuah wilayah dan batas kawalan kepada pergerakan barangan, manusia, dan maklumat. Perubahan fungsi ini berkait rapat dengan tanggapan yang merosot terhadap keunggulan negara bangsa sebagai struktur politik yang utama dalam dunia moden.

Wilson dan Donnan, (1998:1) mengatakan bahawa "*The threatened passing of the state, in turn, heralds the weakening of most of the world's existing political, social and cultural structures and associations*". Hal ini merujuk kepada peranan individu kini boleh dipersoalkan khususnya yang menyangkut tentang identiti dan kesetiaan kepada negaranya. Perkara ini menjadi semakin kompleks apabila komuniti yang tinggal di sempadan mempunyai pertalian darah dan keetnikan dengan kedua-dua negara yang bersempadan. Seperti yang dijelaskan oleh Wilson dan Donnan (1998:11) yang menyatakan:

*"Frontiers of culture are regimes which may compete with the state's borders. They may subvert or bolster those borders, depending on the relative strength of the state and the cultural ties which bind and divide peoples at international borders"*

Kenyataan tersebut menunjukkan bahawa wujud persaingan di antara kuasa negara dengan pengaruh ikatan budaya dan keetnikan.

Sejarah pembentukan bangsa Perancis adalah contoh yang menunjukkan identiti nasional pada ketika itu merupakan asas bagi membina satu bangsa menerusi kesedaran nasional terhadap negara (Sahlins, 2000:31). Dalam konteks ini, pembentukan bangsa dikuasai oleh negara (*from the top down*) iaitu menafikan peranan penduduk sempadan bagi membentuk identiti mereka sendiri. Hal ini bertujuan untuk membentuk semangat cintakan dan sanggup berkorban untuk negara, mengatasi unsur-unsur lain seperti hubungan keetnikan yang mungkin wujud khususnya dalam kalangan komuniti di sempadan.

Selain itu, Pouline (2002) dalam kajiannya terhadap masyarakat sempadan di Borneo Tengah (Tanah Tinggi Kelabit) menyatakan bahawa, pembentukan garis sempadan antarabangsa antara Malaysia dan Indonesia telah mewujudkan dua kumpulan etnik iaitu *Lun Berian* dan *Lun Kelabit* yang pada asasnya adalah satu kumpulan etnik yang sama. Menurut Pouline lagi, kesan daripada tindakan berterusan menentukan "us" dan "them" atau "kawan" dan "musuh" yang dibentuk menerusi identiti nasional yang mana *Lun Kelabit* sebagai Malaysia dan *Lun Berian* adalah Indonesia, akhirnya berjaya mempengaruhi ikatan keetnikan mereka. Hal ini berikutan wujudnya pembezaan berdasarkan *nationality-based* dalam kalangan komuniti yang dahulunya merupakan kumpulan etnik yang sama.

Sementara itu, beberapa orang sarjana seperti Horstmann (2002), Muhamed Yusoff Ismail (2002), Lumenta (2004) dan Eilenberg dan Wadley (2009) menjelaskan tentang perbezaan identiti nasional yang dibentuk di peringkat pusat atau negara (*from the top down*) tidak mempengaruhi kepentingan ikatan keetnikan dalam kalangan komuniti. Walaupun mereka dipisahkan dari segi kewarganegaraan, namun unsur-unsur perkongsian budaya dan identiti etnik masih kuat. Bahkan, ikatan keetnikan ini ada kalanya menjadi instrumen penting dalam strategi kelangsungan hidup seperti yang dinyatakan oleh Eilenberg dan Wadley (2009) dalam kajian mereka ke atas penduduk sempadan etnik Iban di Kalimantan Barat Indonesia.

Sementara Hortsman (2002) dalam kajiannya terhadap komuniti Muslim Satun Pantai Barat, di Selatan Thailand dan golongan Rahib Buddha Kelantan di Pantai Timur, Utara Malaysia mendapati, aspek identiti nasional menjadi semakin



tidak mustahak (*meaningless*). Dalam konteks kajiannya mendapati, identiti nasional disimbolkan menerusi kewarganegaraan yang ditunjukkan melalui kad atau dokumen pengenalan diri, yang mana mereka mempunyai kedua-dua kewarganegaraan Malaysia-Thailand bertujuan untuk kepentingan pribadi sahaja. Situasi ini seperti yang diutarakan oleh Donnan dan Haller (2000:8) bahawa, "*a focus on borders can show us how citizens relate to their nation-state?...how competing loyalties and multiple identities are managed on a daily basis?*"

Oleh yang demikian, beberapa persoalan timbul berdasarkan huraian-huraian tersebut. Bagaimanakah komuniti sempadan, dalam konteks kajian ini adalah etnik Bugis menguruskan kehidupan mereka seharian di lokasi yang terletak jauh dari pusat pentadbiran? Adakah identiti etnik mahupun nasional memberi makna atau penting, khususnya berkaitan dengan strategi-strategi penghidupan mereka di sempadan? Jika ya, bagaimanakah ianya diterjemahkan dan diaplikasikan dalam kehidupan seharian? Dan, di antara kedua-dua identiti tersebut, yang manakah lebih dominan mempengaruhi tingkahlaku dan keputusan komuniti, samada identiti berteraskan etnik mahupun nasional? Berdasarkan persoalan-persoalan tersebut, pengkaji menggariskan tiga objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini.

### **1.3 Objektif Kajian**

- a. Melihat bagaimana komuniti etnik Bugis mengorganisasikan kehidupan mereka seharian di kawasan sempadan
- b. Meneliti elemen-elemen sosio-budaya komuniti etnik yang masih dipegang dan memainkan peranan penting dalam aktiviti kelangsungan hidup mereka di sempadan
- c. Mengkaji kepentingan identiti etnik dan nasional dalam menjelaskan strategi penghidupan komuniti



## **1.4 Konsep dan Teori Kajian**

Dalam konteks huraian ini, perbincangan berkenaan konsep dan teori adalah saling bertautan. Oleh yang demikian, kedua-dua aspek ini dihuraikan secara serentak.

### **1.4.1 Sorotan Kajian-kajian lepas terhadap Konsep dan Teori**

Terdapat beberapa konsep penting yang mendasari kajian ini. Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, tumpuan perbincangan adalah terhadap dua daripada identiti sempadan. Identiti yang dimaksudkan adalah identiti etnik dan identiti nasional. Perbincangan tentang konsep-konsep ini dijelaskan secara bersama dengan beberapa teori yang mana mempunyai saling kaitan antara satu sama lain. Perbincangan ini terlebih dahulu menghuraikan konsep sempadan dan komuniti sempadan.

#### **1.4.1.1 Sempadan dan Komuniti Sempadan**

Anderson (1996:1-3) menyatakan sempadan "*as a physical demarcation, defining where the territory of one state ends and that of another begins*". Pemisahan ruang fizikal wilayah ini juga melibatkan pengasingan dari segi politik pentadbiran. Oleh yang demikian, sempadan menjadi simbol kepada kedaulatan sesebuah negara dan berfungsi untuk melindungi keselamatan seluruh sumber dalam negara termasuk manusia, alam semulajadi dan hidupan liar. Di antara ketiga-tiga sumber tersebut, manusia merupakan unsur yang paling dinamik dan kompleks sifatnya. Oleh yang demikian, fokus utama yang menjadi tumpuan kajian kebanyakan para sarjana Sains Sosial, khususnya antropologis dan sosiologis adalah manusia.

Sehubungan dengan itu, manusia dalam konteks ini adalah komuniti sempadan, iaitu manifestasi nyata yang wujud sejurus sempadan dibentuk (Kntayya, 2006:1). Beliau menjelaskan bahawa, pembentukan sempadan politik secara tidak langsung menghasilkan komuniti persempadanan antara negara moden yang berkongsi sempadan politik wilayahnya (Kntayya, 2006:2).

Sementara itu, Horstmann (2002:2) menyatakan bahawa "*the very notion of the border has produced and invented ethnic minorities in the first place*". Penghuni sempadan dalam pengertian ini adalah kelompok minoriti yang diletakkan di kawasan pinggir sempadan negara bangsa. Mereka lazimnya dilihat sebagai kumpulan yang aktif bergerak merentasi sempadan antarabangsa. Adakalanya, kumpulan ini juga disebut sebagai komuniti transnational. Misalnya, komuniti etnik Iban, Bugis, dan Orang Laut (Horstmann, 2002:2).

Merujuk kepada peranan sempadan sebagai pelindung kepada kedaulatan negara, seluruh rakyat khususnya yang hidup di sempadan perlu diintegrasikan ke dalam negaranya. Dalam konteks ini, setiap ahli dalam komuniti bangsa tersebut berkongsi identiti nasional yang sama (Bray, 2002:9 ; Gill, 2003:4). Persoalannya, adakah penduduk sempadan tersebut secara keseluruhannya berjaya diintegrasikan ke dalam satu bentuk negara bangsa?.

Hasrat untuk membentuk satu bangsa yang homogen adalah sukar untuk dicapai. Hal ini kerana, dalam konteks semasa kini sempadan tidak lagi dilihat sebagai sesuatu yang bersifat statik, beku (Laitinen, 2003:15) dan tidak boleh disentuh (Bray, 2002:1), tetapi maksud dan tafsiran ke atasnya adalah berubah-ubah. Seperti yang dinyatakan oleh ahli-ahli antropologis bahawa, sempadan adalah makmal (*laboratory*) untuk perubahan budaya dan sosial (Horstmann, 2002:2).

Selain itu, komuniti yang hidup di sempadan terdiri daripada kumpulan etnik yang lazimnya mempunyai ikatan budaya atau hubungan darah dengan komuniti negara jirannya. Wilson dan Donnan (2002:14) telah mengkategorikan tiga jenis komuniti sempadan berdasarkan kepada identiti etnik mereka. Menurut mereka:

*"In terms of their ethnic identities, at least three main types of border population can be identified: (i) those which share ethnic ties across the border, as well as with those residing at their own state's geographical core; (ii) those who are differentiated by cross-border ethnic bonds from other residents of their state; and (iii) those who are members of the national majority in their state and have no ethnic ties across the state's borders"*

Sehubungan dengan itu, komuniti etnik di sempadan negara-negara Asia Tenggara lazimnya berada dalam kategori yang kedua. Misalnya, komuniti



sempadan etnik Iban di Kalimantan Barat, Indonesia. Menurut Eilenberg dan Wadley (2009:63) menyatakan bahawa "*The outlook of the Iban population in Kalimantan has been, in many ways, detected towards the much larger Iban population living in more prosperous Sarawak*".

Sementara itu, Horstmann (2002) dalam kajiannya ke atas komuniti Muslim Thai di Satun, Pantai Barat Selatan Thailand dan kumpulan sami Buddha Thai di Kelantan, Pantai Timur Utara Malaysia menyifatkan kedua-dua subjek kajian ini sebagai minoriti etnik yang terperangkap (*trapped*). Komuniti tersebut dianggap sebagai kelompok *inferior*, yang mana tidak mendapat hak keistimewaan sepenuhnya sebagai rakyat Malaysia walaupun telah diberikan status kewarganegaraan Malaysia (Horstmann, 2002:3). Bahkan identiti nasional yang diberikan telah memisahkan mereka daripada negara asal nenek moyangnya yang berasal dari Siam, Thailand.

Situasi ini memberi kesan kepada fungsi sempadan seperti yang dikemukakan oleh Anderson sebagai simbol kepada identiti bangsa (Anderson, 1996:2). Dalam konteks ini, kedua-dua identiti etnik dan nasional komuniti saling berkaitan dan mempengaruhi antara satu sama lain. Komuniti tersebut berkemungkinan terdiri daripada kumpulan etnik yang sama, tetapi dipisahkan menerusi identiti nasional yang berbeza.

Persoalannya, bagaimanakah kedua-dua identiti yang saling berhubung dan mempengaruhi antara satu sama lain boleh dihuraikan dalam konteks kehidupan komuniti sempadan? Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji meneliti dua pendekatan teoritikal yang lazimnya digunakan dalam menjelaskan persoalan tentang identiti. Pendekatan teori tersebut adalah primodialisme dan instrumentalisme. Perbincangan terlebih dahulu menjelaskan secara umum konsep identiti etnik dan identiti nasional.



#### 1.4.1.2 Identiti Etnik

Pembentukan identiti etnik atau etnisiti adalah berasaskan kepada perkongsian terhadap ciri-ciri umum yang dikongsi bersama seperti budaya (bahasa, agama, nilai dan norma), kawasan (negeri dan wilayah) dan keturunan biologi (leluhur nenek moyang, bangsa dan suku puak) (Hutchinson dan Smith, 1996). Seseorang individu cenderung untuk menentukan identiti etnik mereka berasaskan ciri-ciri umum seperti yang telah dinyatakan di atas. Apabila seseorang individu berkongsi ciri-ciri umum yang membentuk identiti etnik tersebut dengan sesebuah kumpulan etnik, maka individu tersebut boleh dianggap sebagai sebahagian daripada ahli kumpulan terbabit. Misalnya, agama Islam merupakan antara ciri identiti etnik bagi kumpulan etnik Melayu di Malaysia. Persoalannya, adakah ciri-ciri umum yang membentuk identiti etnik seseorang individu mahupun kelompok seperti bahasa, agama, budaya dan sebagainya itu merupakan sesuatu yang telah ditentukan sejak azali, bersifat kekal dan tidak berubah? Atau, identiti etnik tersebut sesuatu yang dibentuk dan boleh berubah-ubah mengikut situasi dan kepentingan? Persoalan ini akan dihuraikan selanjutnya dengan menggunakan dua pendekatan teoritikal yang diaplikasikan dalam kajian ini. Dalam konteks kajian ini, identiti etnik merujuk kepada nilai-nilai dan amalan budaya yang masih erat dipegang oleh komuniti kajian. Dalam kajian ini juga, penggunaan konsep identiti etnik dan etnisiti digunakan secara *interchangeable*.

#### 1.4.1.3 Identiti Nasional

Identiti nasional didefinisikan sebagai satu perkongsian rasa sepunya (*a sense of belonging*) terhadap wilayah negara (Radcliffe dan Westwood, 1996: 16). Konsep identiti nasional ini mula digunakan secara meluas pada abad ke – 18 hingga awal abad ke – 20, menggantikan istilah terdahulu seperti karektor nasional (*national character*) dan kesedaran nasional (*national consciousness*) (Smith, 2001:17). Identiti nasional juga disebut sebagai nasionaliti. Salah satu daripada manifestasi identiti nasional ini ditunjukkan menerusi status kewarganegaraan yang dinyatakan dalam dokumen pengenalan diri. Misalnya, dalam dokumen pengenalan diri Malaysia, seseorang individu yang dianggap sebagai warga atau rakyat Malaysia

tercatat dalam dokumen pengenalan dirinya sebagai warganegara Malaysia. Justeru, apabila status kewarganegaraan individu terbabit adalah warganegara Malaysia, secara tidak langsung nasionalitinya dianggap Malaysia. Tambahan lagi, istilah kewarganegaraan dan nasionaliti sering dilihat mempunyai makna yang sama. Hal ini bermaksud, apabila disebut kewarganegaraan maka ianya juga merujuk kepada nasionaliti dan sebaliknya apabila disebut nasionaliti ianya merujuk kewarganegaraan. Sehubungan itu, sepertimana persoalan dalam identiti etnik yang telah dinyatakan sebelum ini, adakah identiti nasional seseorang individu atau kumpulan telah ditentukan dan kekal tidak berubah?. Selain itu, makna-makna identiti nasional ini juga diterjemahkan menerusi simbol-simbol bangsa seperti bendera, tugu negara, bahasa, potret pemimpin dan sebagainya (Woodward, 2000: 134). Dalam konteks kajian ini, identiti nasional komuniti kajian merujuk kepada kewarganegaraan dan simbol-simbol bangsa seperti bendera, dan lesen perahu. Seterusnya, konsep identiti nasional dan nasionaliti dalam kajian ini digunakan secara *'interchangeable'*.

#### **1.4.1.3.1 Identiti sebagai unsur Primodialisme**

Antara pendekatan teoritikal yang lazimnya digunakan untuk memahami persoalan identiti adalah primodialisme. Geertz (1973: 259-260) menyatakan bahawa:

*"By a primordial attachment is meant one that stems from the 'given' – or more precisely, as culture is inevitability involved in such matters, the assumes 'givens' of social existence...These congruities of blood, speech, custom and so on, are seen to have an ineffable, and at times, overpowering coerciveness in and of themselves".*

Hal ini menunjukkan bahawa, personaliti manusia lazimnya bersifat tidak rasional, dan di peringkat sosial pula komuniti primodial dilihat sebagai universal dan kekal (Bacova, 1998: 32).

Smith (2001:52-53) pula menjelaskan bahawa, *"primordialism holds that ethnic groups and nations are formed on the basis of attachments to the 'cultural givens' of social existens"*. Dalam konteks ini, ikatan primodial merupakan sentimen



yang mengikat kesatuan kelompok berdasarkan hubungan darah, bangsa, bahasa, agama, adat dan wilayah.

Sementara itu, Grosby (1995) melihat primordialisme sebagai "*the significant of vitality which man attributes to, and its constitutive of, both nativity and structures of nativity, including linkage, family, and most importantly are territory*". Grosby dalam hal ini menunjukkan perkaitan di antara seseorang dengan kawasan wilayahnya. Beliau menunjukkan bahawa, aspek-aspek dalam ikatan primordialisme ini adalah sesuatu yang bersifat *de facto*, iaitu yang wujud secara semulajadi dan berkaitan secara tidak langsung dengan asal-usul keturunan.

#### **1.4.1.3.2 Identiti dan Instrumentalisme**

Berbeza dengan andaian primordialisme, golongan instrumentalis melihat kepada aspek praktikal dan rasional ke atas setiap tingkah laku dan keputusan yang dibuat oleh seseorang individu. Hal ini merujuk kepada penyatuan individu ke dalam masyarakat atau komuniti yang memberi mereka peluang-peluang praktikal, terutama dalam aspek ekonomi dan politik (Bacova, 1998:33). Oleh yang demikian, tindakan-tindakan mereka adalah berasaskan kepada kesedaran rasional (*rational awareness*), dan bukannya didasari oleh hubungan yang bersifat akrab (*closeness ties*).

Identiti dalam konteks ini dianggap sebagai satu reaksi rasional komuniti terhadap kepentingan dan desakan sosial. Identiti etnik misalnya bukanlah sesuatu yang telah ditentukan ke atas seseorang individu, tetapi telah dibentuk sepanjang proses pembangunan dan sentiasa boleh berubah mengikut masa. Ia merupakan salah satu daripada identiti dalam hidup manusia terdahulu dan moden. Oleh sebab itu, kepentingannya berbeza kepada setiap individu mengikut situasi, masa, budaya dan komuniti.

Sehubungan dengan itu, Fredrik Barth (1969) menjelaskan ciri-ciri komuniti etnik seperti bahasa, budaya, agama dan wilayah adalah tidak kekal dan berubah. Menurutny lagi, intipati identiti etnik adalah meletakkan sempadan antara komuniti



manusia menerusi pentakrifan diri (*self-defining*), mentakrifkan orang lain (*defining others*) dan ditakrifkan oleh orang lain (*defined by others*).

Identiti yang dilihat sebagai instrumental juga menyebabkan seseorang individu atau kumpulan akan menggunakan identiti mereka secara strategik bagi mencapai matlamat dan kepentingannya. Seperti yang dikemukakan oleh Joiremen (2003:45) yang menyatakan bahawa identiti etnik menekankan kepentingan dan kelebihan yang boleh diperolehi oleh seseorang individu menerusi penyatuannya ke dalam sesebuah kumpulan etnik. Dengan kata lain, ia merujuk kepada kepentingan diri (*self-interest*) yang mendorong individu berkenaan mentakrifkan dirinya sebagai sebahagian daripada kelompok atau kumpulan tertentu. Penyatuan seseorang individu ini adalah berbeza-beza mengikut kepentingan diri yang hendak dicapainya. Pada tahap ini, etnisiti atau identiti etnik seseorang individu atau kelompok adalah bersifat dinamik, iaitu berubah-ubah mengikut situasi (Nagata, 1974, Mansor, 1999, Shamsul, 2001).

Oleh yang demikian, pendekatan instrumental ini melihat sesebuah kumpulan etnik muncul untuk mencapai matlamat tertentu dan bukannya wujud dengan semulajadi seperti yang dikatakan oleh teoritis primodialisme. Kewujudan kumpulan etnik bukanlah semata-mata berasaskan kepada unsur organik dan biologi, tetapi disebabkan mereka menyediakan manfaat kepada ahli kumpulannya.

Justeru itu, seseorang individu akan bertindak secara rasional berdasarkan kepentingan-kepentingan yang boleh diperolehinya. Sama ada identiti etnik mahupun nasional mereka, ia adalah bersifat cair (*fluid*) dan berubah-ubah mengikut situasi dan matlamat sosial, ekonomi dan politik yang hendak dicapai.

#### **1.4.1.3.3 Primodialisme dan Instrumentalisme dalam konteks komuniti sempadan**

Berdasarkan penjelasan kedua-dua teori tersebut, identiti etnik dan nasional masyarakat dilihat dalam dua sudut yang berbeza, pertama adalah bersifat kekal berdasarkan ikatan tradisional etnik (hubungan darah, budaya, ras, agama,

## RUJUKAN

- Anderson, Benedict. 1983. *Imagined Communities*. London: Verso.
- Anderson, Malcolm. 1996. *Frontier: Territory And State Formation in the Modern World*. United Kingdom: Polity Press.
- Bacova, Viera. 1998. The Construction of National Identity: On Primordialism and Instrumentalism. *Human Affairs*. **8** (1): 29-43.
- Barbic, Ana. Preception of New Realities along the Slovenion – Croatian Border. *Dalam* Pavlakovich-Kochi, V, Morehouse, Barbara, J dan Wastl-Walter, Doris (eds.). *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*. Hampshire: Ashgate., hlm. 215-236.
- Billig, M. 1995. *Banal Nationalism*, London: SAGE Publications.
- Bourgois, Philippe. 2002. Respect at Work: 'Going Legit'. *Dalam* Taylor, Stephanie (ed.) *Ethnographic Research: A Reader*. London: SAGE Publications., hlm. 15-35.
- Douglass, William A. 1998. A Western Perspective on an Eastern Interpretation of Where North Meets South: Pyerenean Borderland Cultures. *Dalam* Wilson, T.M. dan Donnan, H (eds.). *Border Identities: Nation and State at International Frontiers*. United Kingdom: Cambrige University Press., hlm. 62-95.
- Ellenberg, Michael dan Wadley, Reel L. 2009. Borderland Livelihood Strategies: The Socio-Economic Significance of Ethnicity in Cross-Border Labour Migration, West Kalimantan, Indonesia. *Asia Pacific Viewpoint*. **1** (50): 58-73.
- Geertz, Clifford. 1973. *The Interpretation of Cultures*. London: Fontana.
- Grosby, Steven. 1995. Territoriality: The Transcendental, Primordial Feature of Modern Societies. *Nation and Nationalism*. **1** (2): 143-162.
- Ito, Makoto. 2002. The Nature of Bugis Migration and their Networks. *Dalam* Miyazaki, Koji (ed.). *Making of Multi-Cultural Sabah*. Tokyo: Research Institute for Languages and Cultures of Asia and Africa, Tokyo University of Foreign of Studies. 21-30.
- James P. Ongkili. 1989. Political Development in Sabah, 1963-1988. *Dalam* Jeffery G. Kitingan dan Maximus J. Ongkili. *Sabah 25 Years Later*. Kota Kinabalu: Institute for Development Studies (Sabah), hlm. 61-79.



- Joireman, Sandra F. 2003. *Nationalism and Political Identity*. London: Continuum International Publishing Group.
- Mariappan, Kntayya. 2006. Sempadan Antarabangsa dalam Kehidupan Komuniti Persempadanan di Sabah. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Kajian Persempadanan di Negeri Sabah, 6-7 November 2006, Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur.
- Morehouse, Barbara, J. 2004. Theoretical Approaches to Border Spaces and Identities *Dalam* Pavlakovich-Kochi, V, Morehouse, Barbara, J dan Wastl-Walter, Doris (eds.). *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*. Hampshire: Ashgate., hlm. 19-40.
- Nagata, Judith A. 1974. What is a Malay? Situational Selection of Ethnic Identity in a Plural Society. *American Ethnologist*. 2 (1): 331-350.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2003. Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu Sempadan dan Kedaulatan. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurman Said. 2004. Religion and Cultural Identity Among the Bugis: A Preliminary Remark. *Inter-Religion*. (45): 12-20.
- Pelras, Christian. 2006. *Manusia Bugis*. Terj. Abdul Rahman Arsuka, Hasriadi dan Hurchady Sirimorok. Jakarta: NALAR.
- Poline, Bala. 2002. *Changing Border and Identities in the Kalabit Highlands: Anthropological Reflections on Growing up in a Kelabit Village near the International Border*. Kota Samarahan, Sarawak: Unit Penerbitan Universiti Malaysia Sarawak.
- Robert Siburian. 2003. Dinamika Ekonomi Masyarakat di Daerah Perbatasan: Studi Kasus di Pulau Nunukan, Kalimantan Timur. 7th Borneo Research Council (BRC) Conference, 15-18 Julai, Kota Kinabalu, Sabah.
- Sahlins, Peter. 1998. State Formation and National Identity in the Catalan Borderlands during the Eighteenth and Nineteenth Centuries. *Dalam* Pavlakovich-Kochi, V, Morehouse, Barbara, J dan Wastl-Walter, Doris (eds.). *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*. Hampshire: Ashgate., hlm. 31-62.
- Smith, Anthony D. 2001. *Nationalism: Theory, Ideology and History*. USA: Polity Press.
- Suraya Sintang. 2007. *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.



- Wilson, T.M dan Donnan, H. 1998. Nation, State and Identity at International Borders. *Dalam* Pavlakovich-Kochi, V, Morehouse, Barbara, J dan Wastl-Walter, Doris (eds.). *Challenged Borderlands: Transcending Political and Cultural Boundaries*. Hampshire: Ashgate., hlm. 1-29.
- Bray, Zoe. 2002. Boundaries and Identities on the Franco-Spanish Frontier. CIBR Working Papers in Border Studies. <http://www.qub.ac.uk/research-centres/CentreforInternationalBordersResearch/Publications/WorkingPapers/CIBRWorkingPapers/>
- Genzuk, Michael. 2003. A Synthesis of Ethnographic. [http://www-bcf.usc.edu/~genzuk/Ethnographic Research.pdf](http://www-bcf.usc.edu/~genzuk/Ethnographic%20Research.pdf)
- Gill, Fiona. 2003. Public and Private: National Identities in a Scottish Borders Community. CIBR Working Papers in Borders Studies. <http://www.qub.ac.uk/research-centres/CentreforInternationalBordersResearch/Publications/WorkingPapers/CIBRWORKINGPAPERS/>.
- Horstmann, Alexander. 2002. Incorporation and Resistance: Borderlands, Transnational Communities and Social Change in Southeast Asia. WPTC Working Papers Transnational Communities. <http://www.transcomm.ox.ac.uk/working%20papers/WPTC-02-04%20Horstmann.pdf>
- Horstmann, Alexander. 2002. Dual Ethnic Minorities and the Local Reworking of Citizenship at the Thailand-Malaysian Border. CIBR Working Papers in Border Studies. <http://www.qub.ac.uk/research-centres/CentreforInternationalBordersResearch/Publications/WorkingPapers/CIBRWorkingPapers/>
- Johnson, Irving. Movement and Identity Construction Amongst Kelantan's Thai Community. [http://www.uni-muenster.de/Ethnologie/South Thai/Working paper/Johnson Kelantan.pdf](http://www.uni-muenster.de/Ethnologie/South%20Thai/Working%20paper/Johnson%20Kelantan.pdf)